



**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA  
PELUPUSAN HARTA MODAL**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada yang berminat untuk membeli peralatan menyelam seperti berikut:


<b>Bil.</b>	<b>Keterangan Aset</b>	<b>Kuantiti</b>	<b>Harga Simpanan (RM)</b>
1.	Eco Weight	31	15.00 (per unit)
2.	Air Cylinder	10	300.00 (per unit)

2. Aset boleh dilihat bermula pada 16 Mei 2022 hingga 23 Mei 2022 di antara jam 8.30 pagi hingga 4.30 petang di Bilik Tg Piai, Aras G, Ibu Pejabat Lembaga Pelabuhan Johor.
3. Aset boleh dilihat secara temu janji SAHAJA di talian **07-2534000 / 07-2534032 (En Dino Asmara bin Sham – Unit Marin & VTMS)**
4. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh diperolehi melalui permohonan email ke **[norafiza@lpj.gov.my](mailto:norafiza@lpj.gov.my)**.

5. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan ditanda No. Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat:-

**LEMBAGA PELABUHAN JOHOR  
JALAN MAWAR MERAH 2,  
PUSAT PERDAGANGAN PASIR GUDANG 2,  
81700 PASIR GUDANG, JOHOR**

Tarikh tutup sebut harga pada **23 Mei 2022 jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



**KAMARUZAMAN BIN HAJI MUNASIR**  
Pengurus Besar  
Lembaga Pelabuhan Johor

Tarikh : 12 Mei 2022

### SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA

1. Aset akan dijual tertakluk kepada harga simpanan.
2. Penyebut harga adalah dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 10% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Wang Pos atau Draf Bank sahaja atas nama LEMBAGA PELABUHAN JOHOR.
3. Tawaran tanpa/ kurang deposit sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (*as-is-where-is basis*).
5. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
6. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (*dismantle*), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung oleh pembeli sendiri.
7. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh pemberitahuan keputusan. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
8. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut